

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Terlebih dahulu pihak Kementerian mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Serai kerana mengemukakan soalan berhubung Jabatan Penjara.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Penjara telah meluluskan akses kepada buku, journal dan dokumen perundangan yang dibekalkan oleh keluarganya kepada beliau bagi tujuan persiapan perbicaraan mahkamahannya.**

**Selain itu, untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, permohonan YB Lembah Pantai dan kelulusannya adalah sepertimana di atas serta telah dijawab melalui surat Komisioner Jeneral Penjara pada awal April 2016 yang lepas.**

**Di samping itu, perjumpaan Dato' Seri Anwar Ibrahim dengan peguamnya masih dibenarkan dengan syarat ia haruslah mematuhi prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Penjara Malaysia.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23 MEI 2016  
[ ISNIN ]**

**DARIPADA : Y.B. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[ KOTA SAMARAHAN ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [ KOTA SAMARAHAN ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengenai Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan dan apakah perancangan dan usahasama yang boleh dijalankan bagi menambahbaik kawasan perbandaran Kota Samarahan.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dibangunkan dengan enam teras iaitu:

1. Pembangunan Modal Insan;
2. Kecekapan Perkhidmatan;
3. Pengukuhan Kewangan;
4. Kesejahteraan Rakyat;
5. Penglibatan Rakyat; dan
6. Komunikasi Berkesan.

Pelan ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan PBT dan kesejahteraan rakyat, memenuhi perubahan dinamik dan inovatif kepada ekspektasi "*People Friendly, Business Friendly and Environmental Friendly*" serta mengubah persepsi negatif rakyat terhadap Kerajaan.

Terdapat 22 strategi dan hampir 200 program yang meliputi 6 teras tersebut telah dirangka untuk dilaksanakan oleh PBT. Pelaksanaan pelan ini akan dimulai di negeri-negeri yang mengguna pakai Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] iaitu di negeri-negeri Semenanjung yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-70 pada 23 Februari 2016.

Pelaksanaan pelan ini akan diperluaskan ke negeri Sabah dan Sarawak sekiranya ianya dipersetujui oleh Kerajaan Negeri masing-masing pada masa akan datang.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016